

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**  
**TARIKH : 7.10.2014**  
**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar terhadap universiti – universiti untuk mencapai tahap dunia. Apakah syarat untuk mencapai kemajuan ke tahap tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan penggubalan dan pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sebagai pelan transformasi pengajian tinggi negara, Kerajaan telah mengambil langkah terancang dan terkehadapan dalam perancangan strategik pendidikan yang mengambil kira cabaran semasa dan masa hadapan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang sama ada pada peringkat negara, serantau mahupun sejagat. Pelaksanaan PSPTN sudah memasuki tahun keempat Fasa 2 iaitu Fasa Peningkatan dan Pemerkasaan (2011 – 2015).

Dalam usaha memperkasakan institusi pengajian tinggi (IPT) ke peringkat dunia, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti *Accelerated Programme for Excellence (APEX)*. Universiti Sains

Malaysia (USM) telah dipilih untuk menerajui inisiatif ini dan misi utamanya adalah untuk menjadi universiti perintis, intensif penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa depan dan mengupayakan golongan terke bawah demi mentransformasikan kesejahteraan sosioekonomi mereka. Hasil program ini, USM telah berjaya meningkatkan kedudukannya dari tangga 63 pada tahun 2012 ke tangga 61 pada tahun 2013 dan meningkat ke tangga 57 pada tahun 2014 dalam *QS University Ranking Asia*.

Jika dilihat dari sudut pencapaian penerbitan pula, sebagaimana dinyatakan di dalam laman sesawang *SCImago Journal and Country Rank*, secara keseluruhannya Malaysia telah mendapat tempat kedua selepas Korea Selatan, mengatasi Singapura dan Thailand sejak tahun 2010 sehingga terkini, 2013. Bilangan penerbitan dalam Jurnal *Institute for Scientific Information (ISI)*, yang dihasilkan melalui hasil penyelidikan bagi tahun 2013 adalah sebanyak 23,190 artikel berbanding Singapura, 17,052 artikel dan Thailand, 11,313 artikel.

Pemberian status autonomi kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) juga merupakan salah satu inisiatif ke arah memperkasakan institusi pengajian tinggi. Sehingga kini sebanyak tujuh (7) buah IPTA telah diberikan autonomi. Melalui pemberian autonomi ini, IPTA akan mempunyai lebih daya saing dan mampu untuk bergerak lebih jauh dalam menentukan pencapaian institusi masing-masing. Empat (4) bidang yang diberikan autonomi ini meliputi Governan Institusi, Sumber Manusia, Kewangan dan Penjanaan Kekayaan serta Akademik dan Kemasukan Pelajar.

Bagi menggiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di IPT, Universiti Penyelidikan (RU) diwujudkan. Sehingga kini terdapat lima (5) buah RU iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Nisbah pengambilan pelajar peringkat ijazah kepada pelajar peringkat pascaijazah ditetapkan kepada 50:50 bagi memberi ruang para penyelidik menumpukan perhatian kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan di samping menjalankan kolaborasi strategik dengan rakan sejawat di luar negara.

Bagi memastikan ahli akademik di RU terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang secara signifikan kepada kemajuan penyelidikan, inisiatif bagi meningkatkan peratus staf akademik berkelayakan Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf di RU telah dilaksanakan dan setakat 30 Jun 2014, pencapaiannya telah mencapai 79 peratus.